

KAJIAN RINTIS: KEBIMBANGAN PELAJAR PENGAJIAN ISLAM KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS) TERHADAP KOMUNIKASI BAHASA ARAB

Mohd Shafie bin Zulkifli

Pensyarah Jabatan Bahasa

Pusat Pengajian Teras

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Muhammad bin Hashimee

Diyak Ul-Rahman bin Mat Saad

Bahasa Arab adalah salah satu bahasa asing yang diterapkan kepada para pelajar semenjak dari bangku sekolah rendah sehingga peringkat universiti. Oleh sebab itu, wujud kebimbangan dalam kalangan para pelajar khususnya pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) untuk mengaplikasi bahasa Arab dalam bentuk komunikasi. Kajian ini berbentuk kuantitatif dan menggunakan kaedah *survey* untuk mengutip data. Soalan-soalan *survey* yang berkenaan dengan skala kebimbangan kelas bahasa asing atau disebut sebagai *Foreign Language Classroom Anxiety Scale (FLCAS)* dalam soal selidik yang dibina oleh Horwitz, and Cope (1986) telah diadaptasi dalam menjalankan kajian ini. Kajian ini telah dirintis kepada para pelajar KUIS seramai 25 orang daripada jurusan Diploma Al-Quran dan As-Sunnah, Diploma Syariah dan Diploma Syariah dan Undang-undang. Dalam kajian rintis ini mendapati bahawa dapatan skor *Cronbach Alpha* ialah 0.849 dan menunjukkan interpretasi yang baik dan boleh diterima menurut Bond & Fox, (2007). Oleh itu, dengan dapatan tersebut menunjukkan soalan-soalan yang dibina mencapai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi bagi menjalankan kajian sebenar.

Kata kunci: *Rintis, kebimbangan, komunikasi, bahasa Arab*

PENDAHULUAN

Kursus Bahasa Arab (Al Arabiah Li Dirasat Al Islamiyah) di Kolej Universiti Antarabangsa Selangor (KUIS) adalah dikategorikan sebagai kursus wajib universiti. Sejak awal penubuhan lagi, pihak pengurusan KUIS menjadikan kursus ini wajib diikuti oleh pelajar Diploma di Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam (FPPI), Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU) dan sebahagian pelajar Fakulti Pendidikan (FP) selama 3 semester sepanjang pengajian. Para pelajar hanya diperuntukkan dua jam kredit yang bersamaan dengan dua jam pertemuan untuk seminggu. Secara keseluruhannya, para pelajar akan mengikuti kursus ini selama enam jam kredit sepanjang tiga semester yang bersamaan dengan 84 jam pertemuan, iaitu 28 jam pertemuan bagi setiap semester.

Latar belakang pelajar yang mengikuti kursus ini ialah pelajar yang mempunyai asas bahasa Arab dan telah mengambil matapelajaran bahasa Arab pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Hal ini menunjukkan para pelajar pengajian Islam di KUIS mempunyai pengetahuan berkenaan dengan bahasa Arab kerana telah mempelajarinya semasa di peringkat sekolah menengah sekurang-kurangnya selama lima tahun.

Masalah kebimbangan terhadap penggunaan dalam bahasa Arab ketika berkomunikasi masih lagi dihadapi oleh para pelajar pengajian Islam di KUIS. Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti tahap kebimbangan yang dihadapi oleh pelajar pengajian Islam KUIS dan mengesan faktor-faktor yang menyebabkan para pelajar berasa bimbang untuk bercakap dan berkomunikasi dalam bahasa Arab. Bagi mengesan tahap kebimbangan dan faktor-faktor tersebut, pengkaji akan mengadaptasi soalan-soalan *survey* yang berkenaan dengan skala kebimbangan kelas bahasa asing atau disebut sebagai *Foreign Language Classroom Anxiety Scale* (FLCAS) dalam soal selidik yang dibina oleh Horwitz, and Cope (1986).

KAJIAN RINTIS

Bagi menguji soalan soal selidik yang telah dibina, pengkaji membuat kajian rintis kepada pelajar KUIS semester dua pengajian Islam dari Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam dan Fakulti Syariah dan Undang-undang. Tujuan utama kajian rintis dijalankan adalah untuk menguji soalan yang separuh berstruktur dan untuk mengetahui apakah soalan-soalan yang akan menimbulkan tanggapan pelajar tentang sebab utama atau faktor-faktor mereka merasa cemas dan bimbang semasa bercakap dan berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Arab. Responden juga boleh memberikan cadangan bagi membantu mereka mengatasi kebimbangan dan tampil lebih yakin untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab.

INSTRUMEN

Data kajian yang diambil dengan menggunakan model soalan *Foreign Language Classroom Anxiety Scale* (FLCAS) yang dibangunkan oleh Horwitz et al. (1986). Skala yang ditunjukkan adalah untuk mengukur perasaan pelajar bahasa iaitu perasaan bimbang bagi penuntut bahasa asing. Instrumen soal selidik juga memberi gambaran ukuran tahap kebimbangan penuntut bahasa asing dalam berkomunikasi. FLCAS menggunakan lima skala *Likert* bagi pilihan jawapan bagi menjawab soalan soal selidik tersebut iaitu dengan mata (5) bagi menunjukkan jawapan sangat setuju sehingga mata (1) yang menunjukkan sangat tidak setuju.

Walau bagaimanapun, pengkaji menggunakan skala likert empat mata sahaja dengan menunjukkan mata (4) adalah sangat setuju, mata (3) adalah setuju, mata (2) adalah tidak setuju dan mata (1) adalah sangat tidak setuju. Hal ini dibolehkan kerana menurut Lozano et al. (2008) menyatakan bahawa bilangan alternatif yang optimum adalah antara empat dan tujuh. Dengan kurang daripada empat alternatif kebolehpercayaan dan kesahan kajian akan

berkurang, dan dari tujuh alternatif dan seterusnya sifat psikometrik skala hampir tidak akan bertambah lagi.

Pengkaji juga menggunakan skala likert empat mata kerana mahu mendapatkan keputusan hasil soal selidik dengan keputusan yang positif atau negatif sahaja dengan menghilangkan “garisan tengah” antara setuju dan tidak setuju. Skala likert empat mata juga dipilih pengkaji supaya responden memberikan pendapat dan tidak bersikap neutral atau tidak berpendapat.

KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN

Bagi memperoleh kesahan kajian ini, penyelidik mengenal pasti variabel kajian dan menggunakan tinjauan literature sebagai sumber maklumat dan rujukan utama. Penyelidik telah membina borang soal selidik dengan mengadaptasi daripada soalan-soalan berkenaan *Foreign Language Classroom Anxiety Scale (FLCAS)* yang dibina oleh *Horwitz et. al* (1986). Skala tersebut menunjukkan ukuran perasaan kebimbangan bagi pelajar yang belajar bahasa asing dengan lebih fokus kepada penuntut bahasa asing yang berada di dalam kelas itu sendiri (Wang, 2010).

Dalam menentukan kesahan dan kebolehpercayaan item soal selidik yang dibina, pengkaji telah membuat kajian rintis. Jumlah saiz sampel bagi kajian rintis menurut *Gorsuch* (1983) adalah tidak kurang daripada 100 orang. Manakala *Dermoot* dan *Sarrela* (1996) pula pernah menggunakan tidak kurang daripada 20 orang sampel dalam ujian rintis melalui *metode test-retest reliability*. Sebaliknya *MacCallum et. al* (1999) mencadangkan jumlah yang ideal dalam kajian rintis ialah melebihi 100 orang. Walau bagaimanapun, pengkaji menggunakan 25 orang sampel dalam kajian rintis yang telah dibuat. Ianya kerana pengkaji hanya ingin menguji soalan yang telah dibina sama ada difahami dan jelas untuk dijawab oleh sampel atau tidak. Kenyataan ini disokong oleh *Cooper* dan *Schindler* (2006) yang berpendapat jumlah sampel dalam kajian rintis tidak perlu ditentukan secara statistik kerana dalam kajian rintis bukan untuk mengukur dapatan daripada responden tetapi hanyalah untuk melihat kepada kejelasan soalan dan item sahaja. Namun begitu, secara praktiknya saiz sampel dalam kajian rintis adalah kecil seperti yang dicadangkan oleh *Cooper* dan *Schindler* (2006) iaitu 25 hingga 100 orang sampel.

Analisis kebolehpercayaan merupakan analisis penting untuk mengenal pasti sama ada item-item atau soalan yang dibina boleh dipercayai dan mampu mengukur variabel yang dikaji. Aras kebolehpercayaan yang tinggi membawa maksud item-item atau soalan yang terdapat dalam borang soal selidik boleh digunakan untuk mengukur variabel yang dikaji. Nilai kebolehpercayaan yang dianggap baik ialah pada nilai *Cronbach Alpha* 0.6 hingga 1.0. Sekiranya nilai tersebut adalah bawah daripada nilai 0.6, maka item-item yang mengukur kurang dipercayai untuk mengukur variabel kajian seperti dalam jadual 1.

<i>Cronbach Alpha</i>	Kebolehpercayaan
-----------------------	------------------

0.9 – 1.0	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi
0.7 – 0.8	Baik dan boleh diterima
0.6 – 0.7	Boleh diterima
<0.6	Item perlu dibaiki
<0.5	Item perlu digugurkan

Jadual 1: Interpretasi Skor *Cronbach Alpha* (Bond & Fox 2007)

Setelah kajian rintis dijalankan, didapati borang soal selidik kajian mempunyai kesahan yang baik. Nilai *Cronbach Alpha* yang diperoleh ditunjukkan seperti dalam jadual 2 di bawah.

Reliability Statistics		
Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.849	.847	23

Jadual 2: SPSS versi 25.0

Oleh yang demikian, tiada soalan yang perlu dibaiki atau dibuang kerana dengan bacaan nilai *Cronbach Alpha* menunjukkan soalan soal selidik adalah di tahap yang baik dan boleh diterima.

KESIMPULAN

Tahap kebimbangan yang wujud dalam kalangan pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab menyebabkan penggunaan bahasa Arab masih kurang mendapat sambutan. Oleh itu, untuk mengetahui tahap kebimbangan yang wujud itu, item soal selidik diedarkan kepada sasaran kajian iaitu pelajar pengajian Islam KUIS.

Metodologi kajian disusun supaya kajian berjalan dengan baik dan mendapan dapatan yang kukuh. Dengan menggunakan item soal selidik yang dibina oleh *Horwitz et. al* (1986) berkenaan dengan skala kebimbangan atau *Foreign Language Classroom Anxiety Scale* (FLCAS) dapat menjawab persoalan kajian yang dibangkitkan. Sebagai memenuhi prosedur kajian, rintis juga dibuat kepada 25 orang pelajar pengajian Islam di KUIS dan mendapati pekali *alpha* berada di tahap yang baik dan item yang diedarkan boleh diterima bagi

membuktikan kesahan dan kebolehpercayaan kajian. Data kajian juga dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 25 bagi mendapatkan hasil kajian yang boleh dibincangkan.

RUJUKAN

Mc Dermoot, R.J dan Sarrela, P.D. (1996). Health education evaluation and measurement: A practitioner's perspective. 2nd Edition. New Jersey: Prentice Hall Englewood: 147-148.

MacCallum, R. C., Widaman, K. F., Zhang, S. B., & Hong, S. H. (1999). Sample size in factor analysis. *Psychological Methods*, 4(1), 84–99.

Donald R.Cooper & Pamela S.Schindler. (2006). Business research methods, 9th edition. McGraw-Hill International Edition.

Horwitz EK, Horwitz MB, Cope J (1986). Foreign language classroom anxiety. *Modern Lang. J.* 70(2):125-132.

Wang S (2010). An experimental study of Chinese English major students' listening anxiety of classroom learning activity at the university level. *J. Lang. Teach. Res.* 1(5):562-568.

Gorsuch, R. L. (1983). *Factor analysis* (2nd ed.). Hillsdale, NJ: Erlbaum.

Bond, Trevor G, & Fox, Christine M. (2007). *Applying the Rasch model: Fundamental measurement in the human sciences*.

Borg W, Gall M (1989). *Educational research: An introduction*. (5th ed.). White Plains, NY: Longman.

Rober V. Krejcie dan Daryle W. Morgan. (1970). 'Determining Sample Size for Research Activities', *Educational and Psychological Measurement*, Vol. 30:607-610. Duluth: University of Minnesota.

2003 PPSEI (Australia) ARTD (Malaysia)

Isaac dan Michael Sugiyono. (2008). *Metode penelitian kuantitatif, kualitatif dan R&D*. Bandung: Penerbit Alfabeta.

Ghazali Darussalam dan Sufean Hussin. (2015). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

Pintrich, P. R. & Schunk, D. H. (1996). *Motivation in education: Theory, research and applications*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall Inc.

Ghazali Yusri, Nik Rahimi, Parilah M. Shah. (2010). *Kebimbangan Ujian dan Motivasi Dalam Kalangan Pelajar Kursus Bahasa Arab dalam Konteks Kemahiran Lisan*. ISSN: 1985-5826. Vol. 2, No. 2, July 2010, 46-58.

Littlejohn, S.W. (2002). *Theories of human communication*. 7th edition. Belmont, CA: Wadsworth.

Fenstermacher, G.D. & Richardson, V. (2005). On masking determination of quality in teaching. *Teachers College Record*, 107: 186-213.

Sarah Mohamed Abou El-Goukh. (2013). *Overcoming the anxiety of speaking arabic as a foreign language from students' perspectives: A qualitative case study*. Thesis for the degree of Master of Arts in Teaching Arabic as a Foreign Language. The American University in Cairo.

Andrea Ekström. (2013). *Foreign language communication anxiety in correlation to the sociolinguistic variables gender, age, performance and multilingual competence – A linguistic pilot study of Swedish students' attitudes*. Södertörns högskola 15 hp.

Diao Zhiping, Shamala Paramasivam. (2013). *Anxiety of Speaking English in Class Among International Students in a Malaysian University*. *International Journal of Education and Research*. Vol 1 No. 11. November 2013.

Ashinida Aladdin. (2012). *Analisis Penggunaan Strategi Komunikasi Dalam Komunikasi Lisan Bahasa Arab*. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. Volume 12(2), May 2012.

Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd Ala-Uddin Othman. (2011). *Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Di SMKA Di Malaysia*. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. Volume 11(2) May 2011.